



TAKLIMAT MENGENAI CADANGAN RANG UNDANG-UNDANG PEROLEHAN KERAJAAN

Sesi libat urus berhubung Tatacara Perolehan Kerajaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor

Tarikh : 18 November 2019 (Isnin)

Masa : 2.30 petang


Tempat : Bilik MTES

Oleh : Bahagian Perolehan Kerajaan Kementerian Kewangan



TAKLIMAT MENGENAI CADANGAN RANG UNDANG-UNDANG PEROLEHAN KERAJAAN

SESI LIBAT URUS BERHUBUNG TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN NEGERI DAN BADAN BERKANUN NEGERI



18 November 2019 | Bahagian Perolehan Kerajaan | Kementerian Kewangan



KANDUNGAN TAKLIMAT

01

Pengenalan

02

Cadangan RUU PK

03

Cadangan Mekanisme Aduan/Bantahan

04

Pemakaian

05

Sesi Soal Jawab



PENGENALAN





LATAR BELAKANG

Cadangan untuk memperkenalkan Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan (RUU PK) adalah berdasarkan:

8 Jun 2018 - Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR)

“YAB Perdana Menteri memutuskan supaya Kerajaan merangka satu undang-undang yang boleh mengawal dan mengelak berlakunya ketirisan, pemborosan atau pembaziran kepada dana kewangan Kerajaan”

2 November 2018 – Pembentangan Belanjawan 2019

“Fokus Pertama : Melaksanakan reformasi institusi dalam strategi satu iaitu memperkukuhkan pengurusan fiskal – Penggubalan Rang Undang-Undang : Akta Perolehan Kerajaan”

29 Januari 2019 – Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023

“Memperkenalkan perundangan berkaitan perolehan awam dalam mengawal selia aktiviti perolehan, menambahbaik pengguna sumber secara cekap, menjaga kepentingan negara dan melindungi hak-hak pihak yang terikat dengan kontrak”



OBJEKTIF PEMBENTANGAN

**Memaklumkan dan mendapatkan pandangan
Kerajaan Negeri Selangor mengenai cadangan skop
RUU Perolehan Kerajaan yang sedang digubal**



KERANGKA PENGGUBALAN RANG UNDANG-UNDANG PEROLEHAN KERAJAAN

Mengawal Selia Perbelanjaan Awam Secara
Profesional Dan Telus Bagi Memastikan Semua Perolehan Kerajaan
Diuruskan Berlandaskan Dasar Dan Prinsip Perolehan Kerajaan
Untuk Mencapai Tadbir Urus Terbaik

FOKUS APK

I

KERANGKA PERUNDANGAN “LEGAL FRAMEWORK”

Mewujudkan satu kerangka perundangan yang meliputi akta, peraturan dan *practice notes / guidelines* yang menyeluruh meliputi semua proses Perolehan Kerajaan

II

DASAR

Memberi kuasa untuk menentukan dasar dan peraturan ke arah perolehan Kerajaan yang lestari dalam menyokong pembangunan ekonomi, sosial serta pengurusan fiskal Kerajaan yang cekap

III

MEKANISME SEMAK DAN IMBANG

Menyediakan platform bagi aduan/bantahan ke atas pelanggaran peraturan perolehan Kerajaan oleh mana-mana pihak termasuk semakan semula keputusan Pihak Berkuasa Melulus oleh Pihak Berkecuali

IV

KAWALAN PEMATUHAN

Menyediakan mekanisme kawalan pematuhan dan memperuntukkan dengan jelas tindakan yang boleh diambil ke atas mana-mana pihak yang melanggar peraturan serta kesalahan lain, berdasarkan akta/peraturan sedia ada.



CADANGAN RUU PK

KERANGKA PERUNDANGAN RUU PK



AKTA

- Bersifat umum
- 2 Komponen iaitu pelaksanaan perolehan Kerajaan & mekanisma aduan/bantahan



PERATURAN

- Meliputi perkara utama dalam proses perolehan Kerajaan
- Diadaptasi daripada Arahan Perbendaharaan dan UNCITRAL Model Law on Public Procurement



GARIS PANDUAN

- Meliputi tatacara pelaksanaan yang terperinci
- Diadaptasi daripada Pekeliling Perbendaharaan



KOMPONEN UTAMA CADANGAN RUU PK:

1. KUASA MENTERI

(1)

Menyenaraikan
entiti yang
tertakluk

(3)

Memberi
pengecualian tender
terbuka melalui
peraturan khusus

(4)

Membuat
peraturan & garis
panduan

* hanya kuasa
Menteri Kewangan

(2)

Menyenaraikan
perolehan yang
tidak tertakluk

KOMPONEN UTAMA CADANGAN RUU PK:

2. DEFINISI PEROLEHAN KERAJAAN




- **Perolehan Bekalan, Perkhidmatan atau Kerja atau gabungan di antaranya**
- **Secara pembelian atau sewaan/pajakan atau sewa beli atau apa-apa kaedah PPP**
- **Dibiayai oleh Kerajaan atau penggunaan aset Kerajaan secara langsung atau tidak langsung**

KOMPONEN UTAMA CADANGAN RUU PK:

3. PENGECUALIAN KEPADA AKTA

Akta ini tidak terpakai kepada:



Kontrak pelantikan tenaga kerja
(*contract for service*)



Jualan/penebusan hutang/bon
Kerajaan Persekutuan termasuk
perkhidmatan menguruskannya



Perolehan ketika Darurat yang
diisytiharkan oleh YDPA



Perolehan yang dibiayai oleh
Agensi/Organisasi luar negara. Cthnya: Bank Dunia



**Pengecualian lain di bawah Menteri*

KOMPONEN UTAMA CADANGAN RUU PK:

4. KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN



Semua perolehan hendaklah dilaksanakan secara persaingan yang kompetitif melalui kaedah perolehan secara terbuka*

**Melainkan diberi pengecualian oleh Menteri melalui peraturan khusus*

KOMPONEN UTAMA CADANGAN RUU PK:

5. DASAR KEUTAMAAN KEPADA SYARIKAT BUMIPUTERA



Agensi Pelaksana hendaklah mengambil kira Dasar Keutamaan kepada Syarikat Bumiputera dalam semua perolehan yang dilaksanakan

KOMPONEN UTAMA CADANGAN RUU PK:

6. IMPLIKASI KETIDAKPATUHAN

(1)

Ketidakpatuhan kepada
mana-mana peruntukan
merupakan kesalahan
disiplin

(2)

Kesalahan lain
(cthnya: rasuah,
pemisuan dokumen dsb.)
akan dirujuk kepada
undang-undang berkaitan
kuat kuasa untuk
adakan

KOMPONEN UTAMA CADANGAN RUU PK:

7. LARANGAN CAMPUR TANGAN & KONFLIK KEPENTINGAN



Tiada pihak yang boleh secara langsung atau tidak langsung:

(a) Campur tangan dalam proses dengan niat untuk mempengaruhi keputusan; atau

(b) Menghalang mana-mana penjawat awam daripada melaksanakan tanggungjawabnya di bawah akta ini



Ketidakpatuhan kepada peruntukan ini adalah satu kesalahan jenayah atau disiplin yang boleh dikenakan tindakan berdasarkan perundangan yang berkuat kuasa

KOMPONEN UTAMA CADANGAN RUU PK:

8. LARANGAN PINDAH MILIK KONTRAK



Kontrak yang telah dianugerahkan tidak boleh dipindah/diserah kepada pihak lain tanpa kebenaran agensi pelaksana



Ketidakpatuhan kepada peruntukan ini adalah satu kesalahan dan memberi hak kepada agensi pelaksana untuk menamatkan kontrak serta mengambil tindakan lain ke atas kontraktor



Agensi pelaksana tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atas penamatan kontrak yang berpunca daripada perkara 1 di atas



CADANGAN MEKANISME ADUAN/BANTAHAN



MEKANISME SEMASA BAGI ADUAN/BANTAHAN BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN



PP/PK2.1 Perenggan 8(ix)

Skop Aduan/Bantahan: Spesifikasi tender yang menjurus kepada sesuatu jenama




OBJEKTIF MEKANISME ADUAN/BANTAHAN DI BAWAH RUU PEROLEHAN KERAJAAN



**Meningkatkan tadbir urus Kerajaan dalam
pengurusan aduan/bantahan berkaitan pelaksanaan perolehan kerajaan
yang dibuat oleh syarikat/kontraktor
melalui saluran yang telus, adil dan saksama serta efektif**

CADANGAN SKOP MEKANISME ADUAN/BANTAHAN DI BAWAH RUU PEROLEHAN KERAJAAN



Peringkat 1

JAWATANKUASA KHAS di Kementerian Kewangan

Pengadu **WAJIB** mengemukakan
aduan/bantahan ke peringkat 1
terlebih dahulu

Peringkat 2

TRIBUNAL PEROLEHAN KERAJAAN

Hanya untuk mempertimbangkan semula
aduan/bantahan **sekiranya pengadu**
TIDAK SETUJU/BERPUAS HATI dengan
keputusan yang dibuat di Peringkat 1



Syarikat/kontraktor yang **BERMINAT UNTUK TERLIBAT** dalam perolehan yang sedang dipelawa

Syarikat/kontraktor yang **SEDANG TERLIBAT** dalam perolehan yang sedang dipelawa

Syarikat/kontraktor yang **TIDAK BERJAYA** dalam perolehan yang sedang dipelawa

PELAKSANA/PEGAWAI PEROLEHAN
(*Whistleblower*)





Perancangan
Perolehan

Iklan

Lawatan
Tapak

Dokumen
Tender/
Sebut Harga

Penilaian
Kewangan &
Teknikal

Pertimbangan
oleh Pihak
Berkuasa Melulus

Keputusan

Surat Setuju
Terima

Apa-apa perkara yang berkaitan dengan proses perolehan

Contoh: iklan, tempoh sah laku, penilaian kewangan dan teknikal



Perkara yang terkandung dalam dokumen perolehan

Contoh: spesifikasi teknikal, terma dan syarat

Keputusan perolehan

**Peringkat 1**

**JAWATANKUASA KHAS
di Kementerian Kewangan**

PERCUMA

Peringkat 2

TRIBUNAL PEROLEHAN KERAJAAN

**BAYARAN
PENTADBIRAN (*FEE*)**



DEPOSIT



- Akan **DIPULANGKAN** kepada pengadu setelah kes aduan/bantahan tersebut selesai dipertimbangkan.
- Sekiranya pengadu dikehendaki membayar kepada pihak Kerajaan, nilai tersebut akan ditolak daripada deposit tersebut.
- Deposit juga dicadangkan untuk **DIRAMPAS** sekiranya aduan/bantahan tersebut didapati **tidak berasas** (*frivolous*).

CADANGAN 1

NILAI TETAP

Contoh: *RM 2,500*

CADANGAN 2

**Peratusan (%) daripada
nilai pelawaan
perolehan**

Contoh: *10%*



Peringkat 1

**JAWATANKUASA KHAS
di Kementerian Kewangan**



Tidak melebihi **21 hari**


Peringkat 2

TRIBUNAL PEROLEHAN KERAJAAN



Tidak melebihi **45 hari**

- ❑ *Sepanjang tempoh pertimbangan, proses perolehan boleh dipertimbangkan untuk **DIBERHENTIKAN SEMENTARA (SUSPEND)**.*
- ❑ Tempoh pengadu mengemukakan aduan/bantahan adalah **sekurang-kurangnya 10 HARI** dari asas untuk aduan/bantahan diketahui pengadu.



Hanya remedi **#4 & #5** boleh dipertimbangkan
sekiranya SST telah dikeluarkan



PEMAKAIAN RUU PK

PEMAKAIAN RUU PK

KEMENTERIAN & AGENSI
PERSEKUTUAN 1

SYARIKAT MKD &
ANAK SYARIKATNYA 3

KERAJAAN NEGERI &
AGENCI NEGERI 5

SYARIKAT MBI & ANAK
SYARIKATNYA 7



2 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
& ANAK SYARIKATNYA

4 SYARIKAT BERHAD MENURUT
JAMINAN (CLBG)

6 BADAN BERKANUN NEGERI & ANAK
SYARIKATNYA

8 PIHAK BERKUASA
TEMPATAN



SESI SOAL JAWAB



SEKIAN, TERIMA KASIH